

TARIAN KUDA KEPANG: ANIMISME DALAM KESENIAN MASYARAKAT JAWA

KUDA KEPANG DANCE: ANIMISM IN THE ART OF JAVA COMMUNITY

Roslina Abu Bakar

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Budaya dan pemikiran sesuatu masyarakat itu sering terserlah menerusi hasil-hasil bangsa. Perkembangan budaya serta pemikiran itu juga dapat ditanggap menerusi sesuatu produk yang dihasilkan oleh sesuatu masyarakat. Budaya merupakan persoalan utama mengenai manusia serta kehidupan dan ia terbentuk berlandaskan isi kebudayaan itu sendiri seperti pengetahuan, kepercayaan, seni, hukum, moral, dan adat-istiadat yang dapat dimiliki oleh anggota masyarakat. Tarian kuda kepang yang ditarikan dalam kalangan masyarakat Jawa merupakan antara budaya rakyat yang mempunyai nilai estetika serta memberi kesan kepada masyarakat yang melatarinya. Namun demikian, tarian kuda kepang merupakan seni budaya tradisional yang kian ditelan zaman. Sehubungan itu, artikel ini berfokus kepada kepentingan tarian kuda kepang dalam konteks masyarakat Jawa agar ia berupaya dilestarikan. Persembahan seni tarian kuda kepang berupaya menghiburkan, memberi kesan emosi serta mengisi keperluan yang lebih tinggi dalam kalangan masyarakat khalayak. Aspek penggabungjalinan unsur animisme atau spiritual serta hubungan manusia dengan alam ghaib pada sebelum, ketika dan selepas persembahan menghasilkan keunikan yang perlu diperlihatkan menerusi kajian ini. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti unsur animisme serta strategi interaksi menerusi kesenian tarian kuda kepang dalam budaya masyarakat Jawa. Objektif seterusnya adalah untuk memaparkan keunikan dan keistimewaan kesenian kuda kepang sebagai warisan tradisi masyarakat Jawa. Kajian ini mengaplikasikan teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1856-1939). Penulis membawa penekanan aspek perilaku psikologi manusia oleh Sigmund Freud (1856-1939) yang menekankan alam kesedaran yang merangkumi tiga peringkat iaitu alam sedar (*conscious mind*), alam prasedar (*preconscious mind*) dan alam bawah sedar (*unconscious mind*). Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan serta analisis kandungan.

Kata Kunci: Kuda kepang, kesenian, animisme

ABSTRACT

The culture and the minds of a society are often manifested through the work of the nation. The development of culture and thought can also be perceived through a product produced

by a society. Culture is a major issue of humanity and life and is based on the content of the culture itself, such as knowledge, belief, art, law, morals, and customs that belong to the member of the society. The dances of Kuda Kepang which are drawn among the Javanese community are among the culture of that have the aesthetic value and affect the people who are within the background. Nevertheless, the Kuda Kepang dance is a traditional artistic culture that is increasingly forgotten. In this regard, this article focuses on the importance of the Kuda Kepang dance in the context of the Javanese society in order to be able to preserve it. The performance of Kuda Kepang dance art is entertaining, emotionally impacting and filling the higher needs among the public. The combination of animism or spiritual elements as well as human relationships with the supernatural of before, during and after the presentation yields the uniqueness that should be shown through this study. Accordingly, the objective of this study was to identify the elements of animism and interaction strategies through the art of Kuda Kepang dance in Javanese culture. The next objective is to illustrate the uniqueness and peculiarity of the art of Kuda Kepang as a legacy of the Javanese tradition. This study applies Psychoanalyst theory by Sigmund Freud (1856-1939). The author emphasizes the aspect of human psychological behavior by Sigmund Freud (1856-1939) which emphasizes the consciousness of three levels, namely conscious mind, preconscious mind and unconscious mind. This study uses field study and content analysis.

Keywords: *Kuda Kepang, art, animism*

PENGENALAN

Kebudayaan ialah seperingkat peraturan atau norma yang dimiliki bersama oleh para anggota masyarakat. Sekiranya kebudayaan dilaksanakan oleh para anggotanya serta melahirkan perilaku oleh para anggotanya, sehubungan itu kebudayaan tersebut layak dan diterima sebagai kebudayaan sesuatu masyarakat. Budaya dan pemikiran sesuatu masyarakat itu sering terserlah menerusi hasil-hasil bangsa. Perkembangan budaya serta pemikiran itu juga dapat di tanggap menerusi sesuatu produk yang dihasilkan oleh sesuatu masyarakat. Menurut Mohd Sukarno Wahab (1999:28), kebudayaan dikaitkan dengan kehidupan masyarakat manusia. Manusia mencipta kebudayaan kerana kebudayaan tidak lahir dalam kelompok bukan manusia.

Tarian kuda kepang adalah kebudayaan masyarakat Jawa. Tarian kuda kepang merupakan budaya rakyat yang mempunyai nilai estetika serta memberi kesan kepada masyarakat yang melatarinya. Pada umumnya ia mempunyai kepentingan tersendiri dalam konteks masyarakat. Tarian kuda kepang yang ditarikan dalam kalangan masyarakat Jawa mempunyai keunikan tersendiri yang menghasilkan nilai estetika dari segi gerak tari. Ia sebagaimana pendapat Soerdersono (1972:4-5), gerak geri berirama bukanlah tarian apabila gerak geri itu merupakan perbuatan harian yang natural. Gerak geri yang dimaksudkan tarian adalah berbentuk ciptaan yang indah yang boleh memberi kepuasan kepada orang lain.

Aksi luar biasa para penari tarian kuda kepang seperti dipandu oleh kuasa ghaib dan beralih ke alam prasedar dan alam bawah sedar. Persembahan tarian kuda kepang dipercayai dikuasai oleh semangat roh dan alam ghaib seperti jin, hantu, roh, semangat dan sebagainya adalah dikaitkan dengan kepercayaan animisme. Ia sebagaimana menurut E.B. Taylor (1965:24-25), animisme berasal daripada perkataan *anima* dan animisme membawa pengertian kepercayaan kepada makhluk-makhluk halus. Kepercayaan kepada makhluk halus dan roh merupakan asas kepercayaan agama yang terawal dan ia menguasai alam pemikiran manusia primitif.

Amalan kebatinan serta upacara memuja roh dalam persembahan tarian kuda kepang turut melibatkan jampi dan mantera. Ia sebagaimana menurut Amran Kasimin (2006:2), jampi, mantera dan serapah yang mengandungi kata-kata seruan terhadap nama-nama jin, dewa-dewa, dan berhala dituturkan ketika memuja semangat. Kata-kata seruan tersebut turut diselitkan dengan kalimah Allah, sifat-sifatnya, nama malaikat, nabi, Khalifah, sahabat dan nama-nama yang diambil daripada bahasa Arab. Kalimah tersebut kemudian dianggap sebagai doa. Animisme dalam persembahan tarian kuda kepang menyebabkan berlakunya alam kesedaran yang merangkumi tiga peringkat. Sehubungan itu, kajian ini adalah usaha untuk mengetengahkan budaya rakyat dan menghubungkannya dengan alam kesedaran yang merangkumi tiga peringkat iaitu alam sedar (*conscious mind*), alam prasedar (*preconscious mind*) dan alam bawah sedar (*unconscious mind*) agar kerencaman menerusi persembahan tarian kuda kepang dapat dirungkai.

Asal Usul Tarian Kuda Kepang

Menurut Mohd. Ghous Nasaruddin (1994:125), kuda kepang mempunyai nilai-nilai yang diperlukan oleh manusia baik dari segi material juga spiritual. Tarian kuda kepang turut berfungsi sebagai katarsis terhadap minda dan batin. Selain itu, kuda kepang juga berupaya menggerakkan hati seseorang. Semakin mendalam pengkajian dan pemahaman terhadapnya, maka semakin takjub dirasakan.

Terdapat pelbagai pendapat mengenai kewujudan tarian kuda kepang ini. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa asal usul tarian yang unik sifatnya ini adalah berhubungan dengan ‘Wali Songo’ yang hidup di Tanah Jawa di dalam abad ke-15. Kewujudan tarian kuda kepang bermula tatkala bermulanya usaha Wali Songo untuk mengembangkan ajaran agama Islam di Tanah Jawa. Pada peringkat awal pengembangan agama Islam, terdapat pelbagai permasalahan berlaku. Setiap kali Wali Songo dan pengikutnya ingin berdakwah di kawasan-kawasan pedalaman, para penduduk tempatan akan bertempiaran lari serta menghilangkan diri kerana ketakutan. Sehubungan dengan itu, Wali Songo dan pengikutnya berusaha mencari jalan penyelesaian. Antaranya ialah mereka berusaha untuk mengumpulkan masyarakat kampung iaitu menari beramai-ramai sambil menunggang kuda.

Usaha mereka ini telah memperoleh kejayaan. Semenjak peristiwa tersebut, tarian berkuda tersebut telah menjadi adat dan permainan bagi masyarakat

setempat. Kemudianya, kuda-kuda yang diperbuat daripada buluh atau kulit binatang telah digunakan untuk menggantikan kuda sebenar. Maka dengan itu, berkembanglah persembahan tarian kuda kepang sehingga menjadi mainan rakyat dan kebudayaan masyarakat Jawa khususnya. Ia sebagaimana menurut Zakaria Ariffin (1990:26), di Tanah Jawa, kesenian kuda kepang dipercayai telah dicipta oleh salah seorang daripada Wali Songo (Wali Sembilan) yang terkenal itu. Tujuannya untuk mengembangkan agama Islam dalam abad ke-15. Seperti juga dengan Wayang Purwa, Kuda Kepang telah dijadikan sebagai daya penarik untuk mengumpulkan orang-orang Jawa yang bukan Islam waktu itu, sebelum ajaran-ajaran tentang Islam diserukan kepada mereka.

Terdapat juga pendapat yang mengaitkan asal-usul tarian ini dengan keperwiraan Saidina Ali yang amat terkenal. Saidina Ali dikatakan mempunyai kebolehan luar biasa iaitu boleh mengakibatkan angkatan tenteranya berjuang bermati-matian sehingga tidak sedarkan diri. Kebolehan luar biasa kumpulan tentera Saidina Ali tersebut dipercayai telah mewujudkan permainan tarian kuda kepang yang sangat unik kerana dipercayai wujudnya unsur ghaib dan supernatural. Kenyataan ini sebagaimana kenyataan Zakaria Ariffin (1990: 25), kesenian kuda kepang berasal dari Tanah Jawa. Kesenian ini dipercayai diilhamkan daripada kisah peperangan askar berkuda Sayidina Ali di Tanah Arab. Ia dihubungkan pula dengan kisah pembunuhan yang dilakukan ke atas anak-anak Sayidina Ali, iaitu Hassan dan Husin. Kuda kepan asalnya dipersembahkan atau dimainkan sebagai mengingati peristiwa yang menyedihihkan itu.

Permainan tarian kuda kepang dalam kalangan masyarakat Jawa turut dipercayai asal kewujudannya adalah dari alam kayangan. Kuda kepang dipercayai berasal dari seekor kuda Sembrani yang dipercayai kehadirannya dari tanah jajahan Jawa. Kuda Sembrani ini dipercayai telah turun ke dunia untuk mencari rakannya yang telah hilang. Akhirnya, kuda Sembrani tersebut telah berjaya bertemu dengan rakannya yang telah hilang itu. Setelah bertemu kembali, kedua-duanya amat gembira sambil melompat-lompat dan menari-nari kegembiraan. Kuda Sembrani dan rakannya itu amat gembira sehingga tidak sedarkan diri buat beberapa ketika. Keasyikan kedua-duanya telah mendapat perhatian masyarakat di jajahan Jawa tersebut. Akhirnya, terciptalah suatu tarian mengikut gerak langkah kuda Sembrani tersebut dan ia lebih sinonim dengan nama tarian kuda kepang.

METODOLOGI KAJIAN

Penganalisisan kajian ini adalah mengaplikasikan teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1856-1939) yang menekankan alam kesedaran yang merangkumi tiga peringkat iaitu alam sedar (*conscious mind*), alam prasedar (*preconscious mind*) dan alam bawah sedar (*unconscious mind*). Penganalisisan yang bersandarkan teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1856-1939) yang menekankan alam kesedaran adalah merangkumi tiga peringkat iaitu alam sedar (*conscious mind*), alam prasedar (*preconscious mind*) dan alam bawah sedar (*unconscious mind*). Ia

bersesuaian dengan persembahan tarian kuda kepang yang berupaya membangkitkan pelbagai keunikan perlakuan para penari tarian kuda kepang yang estetik sifatnya. Contohnya, reaksi alam sedar (*conscious mind*) para penari tarian kuda kepang pada permulaan persembahan tarian dan diikuti dengan bermulanya alam bawah sedar (*unconscious mind*) menerusi pelbagai aksi luar biasa ketika mereka sedang kesurupan (kerasukan).

Penulisan ini merujuk kepada sumber dan data kajian hasil temu bual dan proses rakaman. Penulis mengaplikasikan kaedah lapangan dan analisis data hasil persembahan tarian kuda kepang oleh masyarakat Jawa di daerah Batu Pahat, Johor. Penulisan ini adalah berfokus kepada kepentingan tarian kuda kepang dalam konteks masyarakat Jawa yang estetik sifatnya sehingga berupaya menghiburkan, memberi kesan emosi serta mengisi keperluan yang lebih tinggi dalam kalangan masyarakat Jawa khususnya. Penggabung jalinan unsur animisme atau spiritual serta hubungan manusia dengan alam ghaib pada sebelum bermulanya persembahan tarian, ketika berlakunya persembahan dan selepas persembahan memaparkan keunikan. Ia selari dengan objektif kajian ini iaitu untuk mengenalpasti unsur animisme serta strategi interaksi menerusi kesenian tarian kuda kepang dan memaparkan keunikan dan keistimewaan kesenian kuda kepang sebagai warisan tradisi masyarakat Jawa.

ANALISIS

Tarian kuda kepang yang merupakan budaya rakyat masyarakat Jawa mempunyai struktur dan bentuk yang tersendiri. Ia agak berbeza jika dibandingkan dengan tarian masyarakat lain di rantau ini. Seni persembahan tarian kuda kepang mempunyai pengaruh animisme yang amat ketara sifatnya. Peringkat permulaan tarian yang menggambarkan para penarinya yang masih dalam keadaan alam sedar (*conscious mind*) adalah bersesuaian dengan inti pati teori Psikoanalisis Freud (1856-1939) iaitu segala perlakuan yang masih disedari oleh manusia pada saat-saat tertentu. Ketika alam sedar (*conscious mind*) ini juga, para penari tarian kuda kepang masih berhubung dengan penginderaan langsung, ingatan, pemikiran, fantasi dan perasaan sebagaimana yang dimiliki oleh manusia normal. Namun demikian alam sedar (*conscious mind*) ini akan berakhir setelah wujudnya perlakuan atau aksi para penari yang kesurupan. Alam separa sedar (*preconscious mind*) para penari tarian kuda kepang pula menandakan berlakunya transisi antara alam sedar dan alam bawah sedar. Contohnya, ketika para penari tarian kuda kepang menari, mereka tidak sedar segala perwatakan yang sedang dilakukan. Seterusnya, para penari tarian kuda kepang akan mengalami alam bawah sedar (*unconscious mind*) iaitu melakukan aksi yang abnormal sifatnya.

Pada peringkat ini, para penari tarian kuda kepang merentasi pengalaman yang dialami oleh manusia iaitu sama ada dari sudut persepsi, sensasinya dan segala bentuk yang tidak disedarinya. Sehubungan itu, cara berfikir, perasaan, pengamatan dan intuisi para penari tarian kuda kepang pada saat itu amat

dipengaruhi oleh bentuk yang tidak disedarinya. Ia sebagaimana landasan yang dikemukakan oleh Sigmund Freud (1856-1939). Fenomena ini terhasil kesan daripada penyerapan unsur animisme atau penglibatan kepercayaan kuasa ghaib yang amat mempengaruhi mental dan fizikal para penari tarian kuda kepang.

Persediaan Sebelum Persembahan Tarian Kuda Kepang

Menurut responden, Encik Saifudin bin Mohd Kadak (ketua kumpulan kuda kepang, Semerah Batu Pahat, Johor), setiap individu yang merupakan penari tarian kuda kepang perlu mempunyai ketahanan mental, fizikal dan spiritual. Ia adalah perlu supaya mereka mempunyai semangat yang kental untuk menghadapi segala rintangan dan cabaran yang bakal dihadapi. Ketahanan mental, spiritual dan fizikal mereka akan diuji oleh individu yang memimpin kumpulan tarian kuda kepang tersebut. Para penari tarian kuda kepang tersebut perlu menuntut ilmu batin serta perlu menjalani beberapa bentuk ujian serta berpuasa. Mereka perlu mengikuti segala saranan pemimpin dan ia bertujuan untuk mengukuhkan semangat diri. Seterusnya, mereka akan diajar cara-cara untuk menari kuda kepang yang mempunyai gerak tari yang estetik sifatnya itu. Para penari tarian kuda kepang tersebut turut diajar akan kaedah membunyikan tali pecut yang kebiasaannya dikendalikan oleh ketua kumpulan tarian atau dikenali dengan panggilan dayang.

Persembahan tarian Kuda Kepang boleh dilakukan di kawasan lapang atau di atas pentas yang luas. Kawasan tersebut turut dipagari dengan tali yang memisahkan antara ruang persembahan dan khalayak. Ia dilakukan kerana dikhuatiri alam bawah sedar (*unconscious mind*) yang dialami oleh para penari tarian kuda kepang akan mengancam keselamatan khalayak. Namun demikian, setiap kumpulan tarian kuda kepang kebiasaannya mempunyai seorang pawang yang memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan gelanggang, para pemain muzik, penari dan juga para khalayak. Lazimnya, sebuah kumpulan tarian kuda kepang mempunyai 9 hingga 15 orang penari dan salah seorang daripada mereka bertindak sebagai ketua kumpulan yang ditugaskan untuk mengendalikan tali pecut.

Pembukaan Gelanggang

Tarian kuda kepang adalah budaya rakyat masyarakat Jawa yang amat unik berbanding dengan tarian-tarian lainnya. Menurut kepercayaan masyarakat Jawa, kuda kepang dikuasai oleh sejenis kuasa ghaib. Sehubungan dengan itu, upacara pemujaan roh dan jampi mantera perlu dilakukan untuk mengelakkan segala kejadian yang tidak diingini daripada menimpa para penari dan khalayak. Pada peringkat permulaan persembahan tarian kuda kepang, jampi mentera dan upacara

pemujaan roh perlu dilakukan untuk memanggil semangat dan memohon restu agar persesembahan yang bakal dilaksanakan berjalan lancar. Upacara pemujaan roh tersebut akan dilakukan di kawasan terselindung atau di tengah gelanggang yang terbuka kepada pandangan khalayak.

Ketika upacara membuka gelanggang, bomoh atau pawang adalah bertanggungjawab untuk menyediakan beberapa bentuk sajian pemujaan. Sajian tersebut disediakan untuk makanan makhluk halus atau makhluk ghaib yang akan meresap ke dalam badan para penari yang sedang kesurupan. Pawang tersebut adalah bertanggungjawab menghasilkan para penari yang menunjukkan aksi luar biasa ketika menari. Sehubungan dengan itu, dipercayai bahawa dengan memberi makan kepada makhluk halus, semangat dan roh yang dipuja dan meresap masuk ke dalam jasad para penari yang bersemangat ketika menari. Pada peringkat ini, pawang amat berfungsi sebagai perantaraan antara penari dengan kuasa ghaib. Pawang juga memelihara penonton dan penari daripada ancaman kuasa jahat, di samping memulihkan penari keluar dari keadaan abnormal kepada situasi normal. Ia sebagaimana menurut Zakaria Ariffin (1990:26), pemain-pemain yang tidak sedarkan diri ini hanya dapat dipulihkan oleh danyang atau ketua kumpulan kuda kepang, ataupun pawang kepada kumpulan tersebut.

Upacara membuka gelanggang akan bermula dengan istiadat memuja roh. Setelah berakhirnya istiadat memuja roh, pawang akan membaca jampi mentera untuk tujuan membuka gelanggang. Pawang turut menyediakan sajian dan makanan untuk penunggu gelanggang tarian kuda kepang tersebut. Antara bahan-bahan yang perlu disediakan ialah:

Jadual 1: Bahan-bahan yang disediakan ketika upacara pemujaan

BAHAN	TUJUAN
Sebiji kelapa, secupuk beras, dua sisir pisang masak, sedikit kemenyan, kain putih, jarum dan benang.	‘mengambil’ dan ‘memulangkan’ semangat para penari tarian kuda kepang
Seekor ayam putih, padi, telur dan bunga rampai	sebagai pengeras dan mengelakkan daripada sebarang perbuatan hasad dengki dan penganiayaan orang.

Pawang akan membacakan jampi mantera bertujuan memohon keselamatan sambil membakar kemenyan. Ia bertujuan untuk mengawal alam bawah sedar (*unconscious mind*) yang dialami oleh para penari tarian kuda kepang. Pada peringkat tersebut, pawang turut membaca jampi mentera dan ia bertujuan mengawal keselamatan para khalayak dari dirasuk oleh makhluk ghaib.

Cara Permainan Tarian Kuda Kepang

Menurut responden, Encik Saifudin bin Mohd Kadak (ketua kumpulan kuda kepang, Semerah Batu Pahat, Johor), bilangan minimum penari tarian kuda kepang adalah sembilan orang dan maksimanya berjumlah lima belas orang. Penari-penari ini selalunya terdiri dari kaum lelaki sahaja. Tarian-tarian dicipta dan digubah oleh guru yang mengajar dan ahli-ahli kumpulan itu sendiri. Tarian-tarian yang selalu dipersembahkan ialah tarian Solo, Selendang, Pak Tani, Pucuk Rebung, Perjuangan, mempertahankan diri dan sebagainya. Pada awal persembahan, penari kuda kepang yang berjumlah sembilan hingga tiga belas orang tersebut akan bersama seorang ketua kumpulan atau juru pandu memasuki gelanggang persembahan. Para penari tersebut akan menari sambil memegang kuda kepang mengikut rentak bunyi muzik yang dimainkan. Kebiasaannya, tarian kuda kepang diiringi oleh bunyi-bunyian seperti angklung, gendang, gong, jidur, dan kenong yang dimainkan oleh beberapa orang yang mengendalikan alatan muzik. Kebiasaannya, hanya gendang, kenong, gong, dan jidur yang dimainkan manakala angklung digunakan apabila perlu sahaja. Ia sebagaimana menurut Wan Abdul Kadir (1993:487), muzik itu berkembang bersama dengan sesuatu persembahan atau permainan. Muzik itu merupakan irungan kepada berbagai-bagai jenis mainan atau persembahan. Muzik sebagai unsur hiburan amat penting peranannya. Setiap jenis muzik itu pula bersesuaian dengan jenis persembahan yang diikuti.

Para penari tarian kuda kepang akan menari dan kemudiannya akan berpecah kepada dua kumpulan kecil dan melakukan gerakan silang. Ketika juru pandu memegang cemeti yang diperbuat daripada untaian tali, kombinasi letutan cemeti dan pola ritma gendang dianggap mempunyai kekuatan magis yang berupaya menyebabkan para penari kuda kepang kerasukan atau kesurupan. Penari yang kerasukan kerap kali menunjukkan kekuatan fizikal yang menakjubkan dan mampu melakukan perbuatan yang luar biasa serta aneh seperti memakan bunga (bunga kenanga), mengupas kelapa dengan mulut atau gigi, berlari liar, memamah kaca, meminum air, dan sebagainya. Mereka yang kerasukan atau kesurupan ini berupaya melakukan gerakan atau aksi yang aneh yang tidak boleh dilakukan oleh individu normal. Mereka boleh melompat-lompat setinggi enam atau tujuh kaki. Mereka juga berupaya meniti di atas sebatang buluh atau kayu yang licin atau seutas tali. Ia sebagaimana menurut Md. Dahlan Md. Yusof menerusi *Dewan Budaya* (1982), aksi aneh dan tidak normal tersebut adalah sinonim sebagai ‘naik syeh’.

Perlakuan mereka adalah berada di alam bawah sedar (*unconscious mind*) yang menggambarkan cara berfikir, perasaan, pengamatan dan intuisi yang dipengaruhi oleh bentuk yang tidak disedarinya. Fenomena tersebut sebagaimana landasan yang dikemukakan oleh Sigmund Freud (1856-1939) iaitu perlakuan bawah sedar (*unconscious mind*) yang tidak dapat dikawal oleh mental dan fizikal. Ketika para penari tersebut kerasukan, alatan muzik akan terus dibunyikan. Sekiranya aksi para penari tersebut semakin liar dan tidak berupaya dikawal, mereka akan ditangkap dan direbahkan ke tanah. Setelah penari-penari tersebut ditangkap, pawang akan membaca akan mantera dan menghembusnya sebanyak tiga kali diubun-ubun kepala atau telinganya. Penari-penari yang kesurupan ini

akan disedarkan semula oleh seorang pawang yang merupakan ketua kumpulan tarian kuda kepang tersebut. Para penari kuda kepang akan dibawa semula ke alam sedar (*conscious mind*) dan kembali normal. Manakala penari yang dirasuk dan sukar untuk dipulihkan akan disebat dengan menggunakan cemeti berulang kali sehingga roh makhluk ghaib tersebut berjaya dikeluarkan dari jasad penari tersebut. Fenomena tersebut dilakukan agar penari tarian kuda kepang tersebut berjaya dihubungkan dengan penginderaan langsung, ingatan, pemikiran, fantasi dan perasaan sebagaimana yang dimiliki oleh manusia normal.

Ketika tarian kuda kepang ditarikan, berlaku sesuatu yang luar biasa, hairan, ajaib, dan ganjil. Secara tidak langsung, persembahan tarian kuda kepang yang unik dan indah sifatnya itu berupaya mempengaruhi pembentukan emosi, rohani dan intelek khalayak. Aksi lucu para penari tarian kuda kepang yang sedang kerasukan mampu menghibur. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Hashim Fauzy bin Yaacob (2001:4),

...sifat atau fitrah manusia itu sendiri yang inginkan keselesaan, ketenangan, dan kegembiraan.

KESIMPULAN

Penganalisan kajian mengenai seni persembahan tarian kuda kepang yang merupakan budaya rakyat masyarakat Jawa memperlihatkan unsur spiritual dan animisme pada sebelum, ketika dan selepas persembahan. Ia mempunyai keunikan tesendiri, namun demikian ia sewajarnya disesuaikan dengan akidah umat Islam agar tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam khususnya. Reaksi alam sedar (*conscious mind*) para penari tarian kuda kepang pada permulaan persembahan tarian dan diikuti dengan bermulanya alam bawah sedar alam bawah sedar (*unconscious mind*) menerusi pelbagai aksi aneh dan ganjil ketika mereka sedang kesurupan (kerasukan) memperlihatkan nilai estetika serta memberi kesan kepada masyarakat yang melatarinya.

Menerusi persembahan tarian kuda kepang, para penari akan mengalami tahap-tahap psikologi manusia sebagaimana yang dikemukakan oleh Sigmund Freud (1856-1939) iaitu alam sedar (*conscious mind*), alam prasedar (*preconscious mind*) dan alam bawah sedar (*unconscious mind*). Perilaku psikologi para penari tarian kuda kepang tersebut adalah kesan daripada penyerapan unsur spiritual dan animisme yang diamalkan pada sebelum persembahan, ketika berlangsungnya persembahan dan di akhir persembahan tarian kuda kepang. Ia sangat unik dan wajar dilestarikan. Namun demikian, ia perlu disesuaikan mengikut peredaran zaman dan selari dengan akidah dan kepercayaan masyarakat Islam khasnya.

Secara implisit dan eksplisit, budaya rakyat masyarakat Jawa ini berupaya menjadi wahana mendidik dan melatih seseorang itu menjadi tabah dan kuat semangat dalam mengharungi dugaan yang diberikan. Pantang-larang dan

peraturan yang perlu dilalui oleh para penari tarian kuda kepang berupaya membina satu bentuk disiplin diri. Ia dilaksanakan agar para penari tarian kuda kepang mempunyai ketahanan dari segi mental dan fizikal agar mereka lebih berkeyakinan ketika mempersembahkannya di khalayak ramai. Khalayak berminat untuk menyaksikan persembahan tarian kuda kepang kerana keinginan mereka melihat aksi para penarinya dan gerak langkah yang menghiburkan. Manakala mereka yang terlibat dalam tarian kuda kepang ini akan menjadi seorang yang tabah dan daya tumpuannya bertambah baik.

Persembahan seni tarian kuda kepang berupaya menghiburkan, memberi kesan emosi serta mengisi keperluan yang lebih tinggi dalam kalangan masyarakat khalayak. Penggabung jalinan unsur animisme atau spiritual serta hubungan manusia dengan alam ghaib pada sebelum, ketika dan selepas persembahan mempunyai hubungan erat antara satu sama lain. Sehubungan dengan itu, ia selari dengan objektif kajian ini iaitu untuk mengenalpasti unsur animisme serta strategi interaksi menerusi budaya rakyat masyarakat Jawa ini. Seterusnya, keunikan dan keistimewaan kesenian kuda kepang sebagai warisan tradisi masyarakat Jawa ini berupaya diperlihatkan dan diketengahkan agar tidak pupus ditelan zaman. Ia sebagaimana menurut D'Zul Haimi Hj. Md. Zain (2001:52), tarian tari kuda kepang merupakan warisan budaya yang merupakan satu kepuasan dan kenikmatan kepada penari terutama semasa dan selepas persembahan walaupun terdapat pelbagai tafsiran dan pendapat sama ada baik atau buruk terhadap seni tari ini.

Keunikan tarian kuda kepang kesan daripada penggabung jalinan unsur animisme ini berupaya melambangkan identiti masyarakat Jawa. Terdapat makna tersurat dan tersirat di sebalik tarian yang amat unik sifatnya ini.

RUJUKAN

- Abdul Halim Othman (sunt.).(1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latiff Abu Bakar & Mohd Nefi Imran (sunt.). (1999). *Media Warisan Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar & Mohd Nefi Imran (sunt.).(2001). *Media Warisan Malaysia: Komunikasi Melalui Puisi dan Gendang*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Abd. Rahman Hj. Abd. Aziz, Mohammad Zohir Ahmad & Abdul Ghani Abdullah. (2005). *Kecerdasan Emosi Menstabilkan Diri Individu*, dari <http://motivasiutusan.4mg.com/emosi.html> dimuat turun pada 15hb Ogos, 2005.
- Adler, Ronald B, Rosenfeld, Lawrence B, Proctor, Russell F. (2001). *Interplay: The Process of Interpersonal Communication*. 8th ed. Fort Worth, Tex.: Harcourt College Publishers.
- Amran Kasimin. (1993). *Agama dan Perubahan Sosial di Kalangan Penduduk Asli di Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

2006. *Unsur-unsur Menurun dalam Persembahan Teater Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- A.W.Widjaja. (1986). *Komunikasi-Komunikasi dan Hubungan Masyarakat*. Jakarta: PT. Bina Aksara.
- A. Wahab Ali. (2000). *Kritikan Estetika*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bascom, R. William. (1965). Four Function of Folklore. Dlm. *The Study of Folklore*, disunting oleh Dundes, Alan. 279-298. New Jersey: Prentice-Hall.
- Berita Harian. (2009). Didikan Seimbang Jamin Kekuatan Akidah, Kemuliaan Akhlak Anak. 25 Mei 2009.
- Berlo, D.K. (1960). *The Process Of Communication: Introduction To Theory And Practice*. New York : Holt Rinehart & Winston.
- Braginsky, V.I. (1998). *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal*. Jakarta: INIS.
- Braginsky, V, I. (1992). “*Erti Keindahan dalam Kesusastraan Melayu*” dlm. *Dewan Sastera*, 2:32.
1994. *Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusastraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C.Sachs. (1963). *World History of Dance*. New York: Norton & Co. Inc. Dick Hartoko. (1975). *Saksi Budaya*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Dundes, Alan. (1965). *The Study of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- D’zul Haimi Md. Zain. (2001). *Seni Islam*. Kuala Lumpur: Hans Press Sdn. Bhd.
- E.B. Taylor, 1965. *Theories of Primitive Religion*. Oxford: The Clarendon Press.
- Freud, Sigmund, 1949. *An Outline of Psychoanalysis*. New York: W.W. Norton
1963. *An Autobiographical Study*. New York: Norton
1964. *The Complete introductory Lectures on Psychoanalysis*. London: Allen and Unwin.
- Goleman, Daniel. (1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam Books.
- Halimah Hassan. (1989). Masyarakat dalam Sastera Rakyat. *Dewan Sastera* 8: 47-48
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James Danandjaja. (1984). *Folklor Indonesia, Ilmu Gosip, Dongeng dan Lain-lain*. Jakarta: Penerbit Pt. Grafiti Pers.
- Md. Dahlan Md. Yusof. (1982). “Kuda Kepang: Tarian Berbaur Mitos” dlm. *Dewan Budaya*, 5: 20.
- Mills, Theodore M (terj.). (1989). *Sosiologi Kelompok Kecil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. (1976). “Sastra Rakyat, Tinjauan Umum” dlm. *Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi*, disunting oleh A. Bakar Hamid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
1981. Kesusastraan Melayu dengan Corak Masyarakat dan Budayanya: Tradisi Lisan atau Sastera Rakyat yang Bercorak Cerita. Dlm. *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*, disunting oleh Jamilah Haji Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pusktaka.

- _____ (sunt.). 1989. *Masyarakat Melayu Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ghous Nasaruddin. (1994). *Tarian Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Morreale, Sherwyn P. Spitzberg, Brian A, Barge, J. Kevin. (2001). *Human Communication, Motivation, Knowledge, & Skills*. Belmont, CA: Wadsworth Thomson Learning.
- Noriah Taslim. (1998). "Budaya Lisan dan Pemikiran Primitif: Fakta dan Mitos." dlm. *Dewan Sastera*. 3:7-12.
- Norizan Muslim, 2005. "Kuda Kepang Mabuk dari Tulong Agung ke Batu Pahat" dlm. *Dewan Budaya*. 26(11):15-19.
- Saifudin bin Kadak. (2012). "Tarian Kuda Kepang. Batu Pahat" dlm. Temu bual, 17 November 2012.
- S. Othman Kelantan. (1989). "Sastera Lisan Sebagai Sumber Nilai Budaya" dlm. *Dewan Sastera*. 6:18-23
- Soerdersono. (1972). *Jawa dan Bali: Dua Pusat Perkembangan Drama Tradisional*. Jakarta: Gajah Mada University Press.
- Sweeney. (1994). *Malay Word Music: A Celebration of Oral Creativity*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thompson, Stith. (1927). *Motif-Index of Folk Literature*. Bloomington: Indiana University Press.
- Umar Junus. (1981). *Mitos dan Komunikasi*. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.
- Wan Abdul Kadir. (1993). *Struktur dan Organisasi Masyarakat dan Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Zakaria Ariffin. (1990). *Mengenal Budaya Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

